

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti & Acara
Sent: Monday, April 23, 2018 9:53 AM
To: UUM - All Staff
Subject: STHEM & STRC Bincang Penganjuran Bersama EMS2018



PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN
PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA
SCHOOL OF TOURISM, HOSPITALITY
AND EVENT MANAGEMENT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' /Datin/Prof/Dr./Tuan/Puan.



Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara; 22 April 2018

Pada 12 April 2018, Bilik Mesyuarat Utama Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti dan Pengurusan Acara (STHEM) telah menjadi saksi kepada perbincangan Jawatankuasa Penganjuran *Event Management Symposium 2018* (EMS2018). Penganjuran EMS2018 ini adalah kerjasama yang pertama di antara Sustainable Tourism Research Cluster (STRC), USM dan Event Management Research Unit (EMRU), STHEM.

Perbincangan yang di ketuai oleh Prof. Emeritus Dato Dr. Abdul Kadir bin Hj. Din (STHEM) dan Profesor Badaruddin Mohamed (STRC) telah menetapkan bahawa tarikh EMS2018 ialah pada 25 November 2018 dan memilih “Balik Kampung Sebagai Perayaan Komuniti” sebagai tema symposium. Pemilihan tema ini adalah bertepatan dengan usaha untuk mendalami

dan menerokai amalan sepunya yang memberi makna kepada setiap individu dalam masyarakat.

Secara umumnya, penganjuran symposium ini bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli akademik dan penggiat industri khususnya pelajar siswazah dan pihak berkepentingan untuk saling bertukar pendapat sambil mengikuti wacana dan pembentangan kertas kerja mengikut tema yang ditetapkan.

Maklumat lanjut mengenai simposium ini akan diwar-warkan dalam masa terdekat, namun pihak yang berminat bolehlah menghantar sebarang pertanyaan ke alamat emel EMS2018 di ems2018@uum.edu.my. Sekian.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA

College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.